

SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM)
CERAIAN PO.1.1.1

PEMERKASAAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU
DALAM PERKHIDMATAN AWAM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah majlis/acara rasmi di luar negara yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia perlu menggunakan bahasa Melayu dalam penyampaian?	Semua majlis/acara rasmi yang dianjurkan Kerajaan Malaysia di luar negara hendaklah menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dan diterjemah dalam bahasa Inggeris sekiranya majlis/acara rasmi dihadiri oleh pelbagai warganegara sebagaimana yang diperuntukkan dalam Ceraian PO.1.1.1 perenggan 6 (a) (i) – Situasi keempat (luar negara).
2.	Jika majlis/acara rasmi dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia di dalam negara dan dihadiri oleh pelbagai warganegara?	Penyampaian sepenuhnya dalam bahasa Melayu dan diterjemah dalam bahasa Inggeris sebagaimana yang diperuntukkan dalam Ceraian PO.1.1.1 perenggan 6 (a) (i) – Situasi kedua (dalam negara).
3.	Adakah penyediaan dokumen perjanjian perlu disediakan dalam bahasa Melayu jika ia melibatkan urusan antara agensi kerajaan dengan agensi luar di peringkat antarabangsa?	Dokumen perjanjian hendaklah disediakan dalam bahasa Melayu dan dilampirkan terjemahan dalam bahasa Inggeris sekiranya tiada kepakaran dalam bahasa ibunda negara atau agensi luar berkenaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Ceraian PO.1.1.1 perenggan 6 (c).
4.	Adakah pegawai perlu menggunakan bahasa Melayu bagi urusan rasmi di dalam dan di luar negara yang bukan dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia?	Pegawai boleh menggunakan bahasa berpandukan peraturan yang ditetapkan oleh penganjur. Penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya hanya bagi urusan rasmi di dalam dan di luar negara anjuran Kerajaan Malaysia.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	<p>Jabatan/agensi tidak dapat menyediakan perkhidmatan penterjemahan kepada pegawai bagi urusan rasmi di luar negara. Apakah tindakan yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini?</p>	<p>Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab dalam memastikan perkhidmatan penterjemahan disediakan bagi urusan rasmi di luar negara sebagaimana yang diperuntukkan dalam Ceraian PO.1.1.1 perenggan 7.</p> <p>Sekiranya jabatan/agensi tidak dapat menyediakan perkhidmatan penterjemahan, ketua jabatan hendaklah memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa diberi keutamaan, efektif serta berimpak selari dengan fungsi organisasi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Ceraian PO.1.1.1 perenggan 13.</p>
6.	<p>Adakah bahasa lain boleh digunakan dalam urusan rasmi?</p>	<p>Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 152 (1) (a) dan (b) telah menjelaskan seperti berikut:</p> <p>(1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen:</p> <p>Dengan syarat bahawa—</p> <p>(a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan</p> <p>(b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.</p> <p><u>Penjelasan:</u></p> <p>Bahasa mana-mana kaum lain boleh digunakan dan dipelajari selain bagi maksud urusan rasmi.</p>